

11 MAR 1999

MAKLUMAT MENGENAI PELANTIKAN KPN BELUM DITERIMA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau belum mendapat maklumat mengenai pelantikan Ketua Polis Negara yang baru bagi menggantikan Tan Sri Abdul Rahim Noor yang meletakkan jawatan Januari lepas.

"Saya tak dapat maklumat lagi," katanya kepada pemberita selepas kembali dari lawatan dua hari ke Sabah di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang ketika ditanya mengenai pelantikan itu.

Abdul Rahim meletakkan jawatan Ketua Polis Negara berkuatkuasa 8 Jan lepas sebagai mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap kecederaan yang dialami bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis.

Ia berikutan kenyataan akhbar Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah pada 5 Jan mengenai siasatan polis terhadap kecederaan Anwar yang mengatakan bahawa Polis Diraja Malaysia bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kecederaan itu.

Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai kini menjalankan tugas-tugas Ketua Polis Negara.

Pada 4 Feb lepas, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan belum menetapkan Ketua Polis Negara yang baru menggantikan Abdul Rahim.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri turut berkata kerajaan akan membuat pelantikan itu apabila bersedia.

-- BERNAMA

TM RON